

TPM Arah Siasat Kemungkinan Wujudnya Rasuah Dalam Pelaksanaan Projek Pembangunan Yang Menyebabkan Banjir Kilat Di Kl.

By admin

May 14, 2016

Deputy Prime Minister of Malaysia | Home Minister

Timbalan Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Ahmad Zahid Hamidi hari ini mengarahkan agar siasatan dilakukan terhadap agensi pelaksana projek pembangunan di ibu negara bagi mengesan kemungkinan wujudnya rasuah sehingga berlakunya banjir kilat.

Zahid Hamidi berkata, badan yang terlibat harus bertanggungjawab dan segerakan siasatan dan memberi laporan kepada saya untuk tindakan susulan.

Zahid Hamidi yang juga Menteri Dalam Negeri berkata, segala laporan harus dikemukakan sebelum saya mempengerusikan Jawatankuasa Kabinet mengenai bencana alam bagi membincangkan isu banjir kilat di ibu negara dan seterusnya memutuskan tindakan menyelesaikan secara menyeluruh.

Beliau berkata, akan mengetepikan perbezaan portfolio untuk mana-mana kementerian, jabatan atau agensi kerana yang penting adalah mangsa banjir dan rakyat keseluruhannya, masalah rakyat harus diselesaikan dengan segera.

“Saya adalah Pengerusi Jawatankuasa Kabinet Mengenai Bencana Alam, oleh itu ia adalah di bawah tanggungjawab saya”.

Beliau berkata pada sidang media Sempena Hari Keluarga Kementerian Dalam Negeri dan Pejabat Timbalan Perdana Menteri 2016 di Markas Briged Tengah Pasukan Gerak Am (PGA).

Zahid Hamidi menegaskan mereka yang menunding jari supaya duduk bersamanya untuk menyelesaikan masalah rakyat dengan segera supaya banjir kilat tidak berlaku lagi.

Blog at WordPress.com.

Source: <https://zahidhamidi.com/2016/05/14/tpm-arah-siasat-kemungkinan-wujudnya-rasuah-dalam-pelaksanaan-projek-pembangunan-yang-menyebabkan-banjir-kilat-di-kl/>